

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH / HARI : 13 NOVEMBER 2016 (AHAD)

## MBSA anjur forum perdana

*SA 13/11/16*

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan mengadakan Forum Perdana Hal Ehwal Islam pada 18 November ini di kawasan parkir Pasaraya Giant, Seksyen 18, di sini.

Ahli panel terdiri daripada Ahmad Dusuki Abdul Rani, Heliza Helmi dan Fakrul Razi sebagai moderator akan mengupas tajuk 'Memantap Ukhuwah Memperkasa Ummah'.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad memaklumkan, program bertujuan melahirkan komuniti Shah Alam berilmu, beriman dan bertakwa itu akan turut diserikan dengan persembahan daripada kumpulan UNIC.

"Secara tak langsung, MBSA dapat beri pendedahan serta kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan modal insan kepada generasi akan datang.

"Program akan turut dihadiri Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, ahli majlis dan pengarah MBSA," katanya kepada *Sinar Harian*.